



Received: 2022-11-04

Accepted: 2022-12-05

Published: 2022-12-15

Original Article

Faktor-Faktor Konflik Di Republik Yaman Berdasarkan Perspektif Abdul Hadi Awang Dan Kesannya Kepada Keadilan Sosial

Factors of Conflict in The Republic of Yemen Based on Abdul Hadi Awang's Perspective and Its Impact on Social Justice

Muhammad Afifi Abdul Hamid,^{a*} Mohamad Zaidi Abdul Rahman^b & Raja Hisyamudin Raja Sulong^b

^a Postgraduate Student, Department of Siasah Syarriyyah, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

^b Senior Lecturer, Department of Siasah Syarriyyah, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

* Corresponding author, email; Alfaqir_afifi@yahoo.com

ABSTRACT

Yemen has historically been plagued by war and internal upheaval, which has contributed to the geopolitical instability of the republic. The unrest that started 59 years ago has continued in Yemen until the current conflict. The unrest in this republic is brought on by a number of factors. These factors will be determined and examined based on the perspective of the Honorable (YB) Tan Sri Dato Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, Member of Parliament for Marang, Terengganu. Abdul Hadi Awang once went to Yemen in 2010 with a delegation from the Islamic Party of Malaysia (PAS) in order to offer a resolution to the crisis in this nation. Data collection and data analysis are the two main methods that were used. In this study, documentation approaches were used to obtain any relevant data. The thematic analysis and content analysis was utilised to analyse the data. The study's conclusions, in light of other researchers' work and the data provided, show that the causes of violence in the Republic of Yemen, as seen from Abdul Hadi Awang's perspective, are substantial. The power rivalry between Saudi Arabia and the Islamic Republic of Iran as well as the country's weak government are two factors that contribute to instability in the Republic of Yemen.

Keywords: Republic of Yemen, Abdul Hadi Awang, Arab Spring, & Saudi Arabia-Iran Rivalry.

Pengenalan

Republik Yaman ditubuhkan pada 22 Mei 1990 hasil gabungan dua wilayah kekuasaan antara Republik Arab Yaman (Yaman Utara) dan Republik Demokratik Rakyat Yaman (Yaman Selatan).

Yaman merupakan salah satu negara yang terdapat di Timur Tengah. Negara ini terletak di Semenanjung Arab atau lebih tepatnya di Asia Barat Daya yang bersempadan dengan Arab Saudi di utara, Oman di timur selain dikelilingi oleh Laut Merah di bahagian selatan dan barat. Republik Yaman merupakan negara kedua terbesar di Semenanjung Arab selepas Arab Saudi. Berdasarkan peta terkini, kedudukan Yaman adalah berada di antara latitude 12° , 20° utara dan longitudes 41° , 54° timur¹.

Bukit atau Jabal Nabi Syaib menjadi titik tertinggi di negara dengan ketinggian sekitar 3,760m dari aras laut. Keluasan negara ini adalah sekitar 527,970 kaki persegi kilometer (km) dengan termasuk termasuk persisir pantai sepanjang 2,000 km. Yaman dikatakan mempunyai kedudukan yang strategik kerana negara ini berada di laluan masuk Terusan Bab al-Mandab. Bab al-Mandab merupakan terusan yang menjadi laluan penghubung antara Laut Hindi dan Laut Merah melalui Teluk Aden.² Berikut merupakan peta sempadan terkini bagi Yaman:



Sumber: ATLAS, "World Atlas: Yemen".³

Data terkini menganggarkan populasi rakyat Yaman telah mencapai angka sekitar 30,572,450 juta penduduk. Sebagaimana data yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu – PBB (United Nations-UN) pada 14 Ogos 2021, purata kadar pertumbuhan semasa penduduk Yaman adalah sebanyak 2.33% setahun. Kajian semasa yang dilakukan penyelidik turut menganggarkan populasi Yaman akan terus meningkat sehingga mencapai angka 50 juta penduduk pada tahun 2055. Angka ini juga dianggarkan akan mencecah kemuncak sebanyak 55.08 juta penduduk tahun 2080.⁴

¹ Hezam, A. *The Dynamic of Democratisation: Political Parties in Yemen* (Jerman: Pellens Kommunikation Design, 2003), 13.

² "World Atlas: Yemen", ATLAS, diakses pada 24 Januari 2021, <https://www.worldatlas.com/maps/yemen>.

³ *Ibid.*

⁴ "World Population Review: Yemen Population by Year", ATLAS, diakses pada 14 Ogos 2021, <https://worldpopulationreview.com/countries/yemen-population>.

Secara ringkas, sejak tahun 897 Masihi, Yaman Utara berada di bawah pemerintahan Kerajaan Beraja *Imāmah* Yaman (*Kingdom of Yemen Imamnate Government*). Kerajaan Beraja *Imāmah* Yaman adalah kerajaan yang menjadikan fahaman Syiah Zaidiyyah sebagai anutan. Al-Badr merupakan antara raja yang memerintah kerajaan Yaman Utara. Namun begitu, selepas beberapa abad Kerajaan Beraja *Imāmah* menguasai Yaman Utara, kerajaan ini berjaya digulingkan melalui revolusi yang dilancarkan secara besar-besaran pada tahun 1962 oleh Albulah bin Sallal, seorang pemimpin revolusi di Yaman. Revolusi ini telah menyebabkan sistem beraja dari kalangan Syiah Zaidiyyah runtuh di Yaman Utara dan kalangan kerabat diraja serta pendokongnya dibunuh serta diusir dari wilayah tersebut.⁵

Kumpulan pemberontak yang diketuai oleh Abdullah bin Sallal ini menjadikan pemimpin Mesir iaitu Jamal Abdul Nasser sebagai idola bagi melakukan rampasan kuasa daripada pemimpin kerajaan *Imāmah* di Yaman Utara pimpinan Al-Badr. Rampasan kuasa di Yaman Utara mula dilancarkan pada tanggal 26 September 1962.⁶ Istana yang diduduki Al-Badr dikepung dari segenap penjuru oleh tentera pemberontak menggunakan kereta kebal dan sebagainya. Bedilan demi bedilan meriam kereta kebal dilancarkan oleh tentera pemberontak bagi memaksa Al-Badr menyerahkan kuasa kepimpinan Yaman Utara kepada Abdullah bin Sallal. Berikut merupakan gambar istana Al-Badr yang dibedil oleh tentera pemberontak:



Gambar istana Al-Badr, sehari selepas serangan meriam kereta kebal pada September 1962.⁷

Sehari selepas serangan tersebut, Abdullah bin Sallal mengisytiharkan tamatnya pemerintahan Kerajaan Beraja *Imāmah* di Yaman Utara dan digantikan oleh kerajaan republik. Kerajaan Republik ini diketuai oleh Abdullah bin Sallal sebagai presiden.⁸

⁵ Eleonora Ardemagni, "From Insurgents to Hybrid Security Actors? Deconstructing Yemen's Huthi Movement", ISPI The Aspen Institute Italy (315), pp 1-16 (2017), 2.

⁶ "Model UN on the Civil War in Yemen 2018", United Nations, diakses pada 3 Disember 2022, <https://fn.se/wp-content/uploads/2019/02/Model-UN-Yemen-English.pdf>.

⁷ Gambar ini boleh didapati di laman <<http://alamree.net>>

⁸ Orkaby Asher Aviad. "The International History of the Yemen Civil War: 1962-1968". Disertasi Kedoktoran, (Universiti Harvard, 2014), 83-84.

“Armored units and tanks, acting on the orders of the military high command, have surrounded the royal palace and asked the tyrannical dictator to surrender. Upon his refusal, artillery opened fire on the palace. The next morning, the monarchy collapsed. The tyrant was dead, crushed under the rubble of his palace.”⁹

Walaupun dilancarkan serangan demi serangan terhadap istana Al-Badr, terdapat media rasmi pada 12 November 1962 yang melaporkan bahawa pemimpin Kerajaan *Imāmah* tersebut masih hidup dan melarikan diri ke sempadan Arab Saudi. Laporan ini turut menyiarkan rakaman video temubual yang dilakukan wartawan Perancis, Jean-Francois Chauvel dengan Al-Badr.¹⁰

“Sallal’s declarations did not last beyond November 12, 1962 when there was an official media affirmation that al-Badr was alive and leading the counterrevolutionary forces in the north. French journalist Jean-Francois Chauvel conducted a public interview with al-Badr along with live photographs, confirming that he was alive and along the Saudi border...”¹¹

Walaupun terdapat media yang melaporkan keadaan Al-Badr yang masih hidup, namun secara jelas tampak kekuasaannya di Yaman Utara telah runtuh dengan pengisytiharan kemenangan pihak pemberontak yang diketuai oleh Abdullah bin Sallal. Kejayaan revolusi yang dilakukan di Yaman Utara turut mendapat perhatian pemimpin Mesir iaitu Jamal Abdul Nasser. Kedua-dua pemimpin ini bahkan dikatakan memiliki hubungan yang baik dan Abdullah bin Sallal satu ketika pernah memohon bantuan Mesir bagi membangunkan semula Yaman selepas perang tamat. Memetik kenyataan John Badeau:

“The story went around Cairo that Sallal sent a telegram to the Egyptian government saying, now that the war is succeeding the greatest need of revolutionary Yemen is education. Please send us 500 schoolteachers. The next week came another telegram saying, the greatest need in revolutionary Yemen is still education. Please send us 20,000 schoolbooks. The third week there was another telegram saying, the greatest need in revolutionary Yemen remains education. Please send us 50,000 students at once.”¹²

Antara bulan September dan Oktober 1962, terdapat laporan yang menyatakan Abdullah bin Sallal menghantar surat rasmi kepada Jamal Abdul Nasser bagi memohon pengiktirafan kerajaan Republik Arab Yaman yang ditubuhkannya. Selain memohon pengiktirafan melalui surat rasmi yang dihantar, kerajaan Republik Arab Yaman yang dipimpin oleh Abdullah bin Sallal turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Mesir pimpinan Jamal Abdul Nasser kerana telah membantu menewaskan Al-Badr dalam perang saudara 1962.¹³

“Between September 29 and October 4, 1962 a series of telegrams were exchanged between Sallal and Nasser including a formal request for

⁹ *Ibid*, 84.

¹⁰ Deffarge Claude dan Troeller, Gordian, Yemen 62- : De la révolution “sauvage” a la trêve des guerriers,” (Paris: Robert Laffont, 1969), 194.

¹¹ Orkaby Asher Aviad. “The International History of the Yemen Civil War: 1962-1968”. Disertasi Kedoktoran, (Universiti Harvard, 2014), 83-84.

¹² Badeau John Stothoff, *The Middle East Remembered* (Washington DC: Middle East Institute, 1983), 215.

¹³ Orkaby Asher Aviad. “The International History of the Yemen Civil War: 1962-1968”. Disertasi Kedoktoran, (Universiti Harvard, 2014), 87.

recognition, the UAR recognition, subsequent offers of aid, and finally a YAR response thanking Egypt for recognition and aid... ”¹⁴

Pemberontakan bersenjata oleh kumpulan pemberontak yang diketuai Abdullah bin Sallal bukan hanya mencetuskan perang saudara di Yaman Utara, kekacauan dan ketidakstabilan ini turut merebak ke Yaman Selatan. Hampir kebanyakan tempat di kedua-dua wilayah ini berlakunya perang gerila yang menyebabkan ketidakstabilan pemerintahan. Siri berperangan yang berlaku di kedua-dua wilayah adalah pada skala yang besar sehingga menyebabkan angka kematian dan kemusnahan harta benda yang tinggi dalam kalangan penduduk.¹⁵

Berbeza dengan Yaman Utara, Yaman Selatan merupakan wilayah yang mengamalkan pemerintahan Sosialis. Ideologi Sosialis menjadi teras utama pemerintahan di Yaman Selatan. Pimpinan Sosialis Yaman Selatan iaitu Ali Salim al-Bid memerintah wilayah ini sejak tahun 1967 sehingga tahun 1990. Ideologi Sosialis yang dianuti pemimpin Yaman Selatan adalah disebabkan pengaruh yang dibawa oleh Kesatuan Soviet (USSR) di wilayah ini. Berdasarkan sejarah, wilayah Yaman Selatan pernah menjalinkan hubungan pemerintahan dengan Kesatuan Soviet sejak puluhan tahun. Hubungan antara Yaman Selatan dan Kesatuan Soviet mula rapuh apabila kuasa besar tersebut menghadapi kekalahan dalam Perang Dingin dengan blok pakatan Eropah yang diketuai oleh Amerika Syarikat.¹⁶

Selepas beberapa tahun kedua-dua wilayah ini berseteru, Yaman Utara dan Yaman Selatan mula terlibat dengan proses bagi membentuk sebuah kerajaan pusat (*central states*). Semangat nasionalisme Arab yang dipelopori Jamal Abdul Nasser mula mempengaruhi rakyat di kedua-dua wilayah ini sehingga membawa kepada penyatuan dengan terbentuknya sebuah kerajaan pusat. Menurut sarjana Barat, rakyat di kedua-dua wilayah percaya bahawa penyatuan antara utara dan selatan mampu membawa kepada zaman keemasan bagi Yaman dari sudut pembangunan negara. Idea penyatuan ini juga timbul kerana pemimpin Yaman Selatan mula mencari alternatif bagi menghadapi krisis ekonomi yang bermula pada tahun 1986.¹⁷

Dalam soal pemerintahan, berdasarkan Perkara 5 Perlembagaan, Yaman mengamalkan sistem Republik Demokrasi Berpelembagaan dan pentadbiran negara ini diketuai oleh presiden yang dipilih melalui pilihanraya. Perlembagaan Yaman diwujudkan sebagai asas kuasa dalam pemerintahan negara. Perlembagaan Yaman ini telah dirangka sejak tahun 1981, iaitu sembilan tahun sebelum negara ini ditubuhkan pada tahun 1990. Perlembagaan yang dirangka ini adalah berdasarkan usaha sama antara pemimpin Yaman Utara dan Yaman Selatan yang bersetuju untuk menggabungkan kedua-dua wilayah tersebut sebagai sebuah negara merdeka.¹⁸

Melalui sistem Demokrasi Berpelembagaan, rakyat Republik Yaman menjadi sumber kuasa bagi negara berdasarkan Perkara 4 perlembagaan yang membolehkan mereka menyertai secara langsung referendum dan pilihanraya yang diadakan. Yaman juga menganuti doktrin pemisahan kuasa dalam pemerintahan sebagaimana negara-negara lain yang mengamalkan sistem demokrasi berpelembagaan. Melalui doktrin pemisahan kuasa, diwujudkan institusi-

¹⁴ *Ibid.*

¹⁵ “Model UN on the Civil War in Yemen 2018”, United Nations, diakses pada 3 Disember 2022, <https://fn.se/wp-content/uploads/2019/02/Model-UN-Yemen-English.pdf>.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ “The Birth of Modern Day Yemen”, Al-Bab, diakses pada 3 Disember 2022, <http://www.al-bab.com>.

¹⁸ “Republic of Yemen Constitution”, Republic of Yemen Government, diakses pada 3 Disember 2022, <https://constitutionnet.org/country/constitutional-history-yemen>.

institusi pemerintahan yang berbeza di Yaman iaitu legislatif, eksekutif dan kehakiman.¹⁹ Perkara 5 Perlembagaan, Yaman mengamalkan demokrasi berdasarkan sistem Pluralisma Partisan (*partisan pluralism*) yang bertujuan untuk memastikan setiap peralihan kuasa melalui pilihanraya negara berjalan dengan aman.²⁰

Sistem Pluralisma Partisan membawa erti pemerintahan sebuah negara adalah berdasarkan kerjasama pelbagai parti politik yang berbeza. Mengambil contoh selepas pilihanraya pertama Yaman diadakan, Parti Kongres Rakyat Umum (PKRU) melakukan kerjasama politik dengan Parti Sosialis Yaman (PSY) bagi membentuk kerajaan Republik Yaman. Walaupun PKRU dan PSY memiliki ideologi yang berbeza, namun kedua-dua parti ini bersetuju untuk bersekutu dan membentuk kerajaan Republik Yaman pada 22 Mei 1990. Kerjasama yang dilakukan ini menepati doktrin pluralisma klasik yang memberi penekanan tentang bagaimana punca kuasa dapat diagihkan antara parti-parti berbeza dalam proses pembentukan kerajaan.²¹

Presiden dibantu oleh lima orang ahli Majlis Presiden akan bertanggungjawab dalam menjaga hal ehwal dalaman dan luaran negara. Presiden dan kelima-lima ahlinya juga bertanggungjawab untuk melantik perdana menteri, melulus dan menggubal undang-undang, memberi anugerah kehormat dan keampunan terhadap tahanan penjara, melantik duta-duta negara dan sebagainya. Perdana menteri yang dilantik akan menubuhkan Majlis Menteri berdasarkan saranan dan nasihat daripada Majlis Presiden. Menteri-menteri yang dipilih oleh perdana menteri akan ditugaskan untuk merangka dan menggubal polisi negara, menyediakan belanjawan tahunan negara, mengatur koordinasi agensi-agensi kerajaan, merancang majlis-majlis rasmi negara dan sebagainya.²²

Yaman membahagikan pusat pemerintahan negaranya kepada dua institusi pemerintahan yang berbeza iaitu Pemerintahan Pusat (*Governorates - Muhāfazoh*) dan Pemerintahan Daerah (*District – Mudiriyah/al-Dāirah*). Institusi Pemerintahan Pusat menjadi pentadbiran tertinggi di Yaman dan ianya memiliki 22 pusat pemerintah tersendiri termasuk ibu negara di Bandar Sana'a. Selain di Sana'a, pusat pemerintah negara adalah terletak di Aden, Amran, Abyan, al-Dali', al-Baida, al-Hudaydah, al-Jawf, al-Mahrah, al-Mahwit, Amanat al-'Asmiah (Bandar Sana'a), Arkhabil Suqutra (Socotra Archipelago), Dhamar, Hadramaut, Hajja, Ibb, Lahij, Ma'rib, Raymah, Sa'da, Sana'a, Shabwah dan Taiz.²³

Sebagaimana kebanyakan negara Arab lain di Timur Tengah, Yaman juga merupakan negara yang sering dilanda konflik dan pergolakan dalaman. Siri pergolakan dalaman yang berlaku menjadi faktor utama yang menyebabkan ketidakstabilan Yaman sehingga kini. Kajian ini mengenalpasti dua faktor yang menyebabkan konflik di Yaman berdasarkan perspektif Dato Seri' Tuan Guru Abdul Hadi bin Awang. Kedua-dua faktor tersebut adalah persaingan kuasa antara Arab Saudi dan Republik Iran serta kelemahan pentadbiran dalaman negara. Kajian ini juga membincangkan dua kesan terhadap keadilan sosial akibat daripada konflik dalaman yang berlaku di Yaman. Dua kesan daripada konflik tersebut ialah kemiskinan dan pengangguran dalam kalangan penduduk Yaman.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*

²¹ *Ibid.*

²² "Republic of Yemen Constitution", Republic of Yemen Government, diakses pada 3 Disember 2022, <https://constitutionnet.org/country/constitutional-history-yemen>.

²³ "World Atlas: Yemen", ATLAS, diakses pada 24 Januari 2021, <https://www.worldatlas.com/maps/yemen>.

Biodata Abdul Hadi Awang

Abdul Hadi bin Awang atau turut dipanggil sebagai Dato Seri' Tuan Guru Abdul Hadi Awang dilahirkan pada 20 Oktober 1947 di Kampung Rusila, daerah Marang, Terengganu, Malaysia. Pendidikan awal beliau bermula di Rusila sebelum ke Sekolah Agama Marang. Abdul Hadi Awang kemudiannya berpindah ke Sekolah Agama Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu sebelum melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi pada tahun 1969-1973. Beliau kemudiannya meneruskan pembelajaran di peringkat sarjana dalam pengkhususan Politik Islam (Siasah Syar'iyah) di Universiti Al-Azhar, Mesir dan berjaya menamatkan pengajian pada tahun 1975.²⁴

Bagi latar kerjaya, Abdul Hadi Awang menjadi wakil rakyat di DUN Rhu Rendang sejak tahun 1986 sehingga tahun 2018 mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Abdul Hadi Awang pernah memegang jawatan sebagai Menteri Besar Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 1999 sehingga tahun 2004. Selepas Pakatan Nasional mengambil alih pimpinan negara, Abdul Hadi Awang dilantik sebagai Duta Khas Perdana Menteri Malaysia ke Timur Tengah pada tahun 2020 sehingga tahun 2022. Di peringkat Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Abdul Hadi Awang menjawat jawatan sebagai presiden dari tahun 2002 sehingga kini.

Di peringkat antarabangsa, Abdul Hadi Awang merupakan mantan Naib Presiden Kesatuan Ulama Islam Sedunia di bawah pimpinan Almarhum Syeikh Yusuf al-Qaradhawi pada tahun 2014-2018. Beliau juga merupakan ahli Penyelaras Sekretariat Parti Islam Sedunia yang bertempat di Turki. Selain itu, beliau juga pernah memegang jawatan sebagai ahli Lembaga Pemegang Amanah Muassasah Al-Quds di Turki dan ahli Lembaga Al-Majma' al-'Alami li al-Taqrīb baina al-Mazāhib al-Islāmiyyah di Iran sejak tahun 1980 sehingga kini.²⁵

Selain menjadi penyampai kuliah agama di Masjid Rusila, Abdul Hadi Awang juga merupakan penulis yang bergiat aktif menghasilkan karya-karya saban tahun. Puluhan malah ratusan karya berbentuk buku dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang telah dihasilkan Abdul Hadi Awang khususnya dalam bidang politik tempatan mahupun antarabangsa selain dan beberapa lagi bidang-bidang lain.

Berikut merupakan sebahagian karya dalam bidang politik yang telah dihasilkan Abdul Hadi Awang antaranya: *Pemetaan Baharu Dunia Islam* (2021), *Islam Demokrasi* (2021), *Normalisasi Israel: Siapa Untung?* (2020), *Islam dan Kebangsaan* (2020), *Islam Satu-Satunya Penyelesaian* (2020), *Islam Adil Untuk Semua* (2020), *Normalisation with Israel: Who Seek to Gain?* (2020), *Fiqh Siasah Khulafa' Al-Rasyidin: Khalifah Abu Bakar RA* (2020), *Islam Memimpin* (2020), *Budaya Politik Matang dan Sejahtera* (2020), *Ringkasan Sejarah Gerakan Islam di Malaysia* (2020), *Islam dan Kaitannya Dengan Pengganas* (2020), *Peta Politik dan Persaingan Antara Parti Politik di Malaysia* (2020), *Negara Islam Dalam Masyarakat Majmuk* (2020), *Nakhsah Palestin: Episod Duka Umat Islam* (2020), *Sistem Pemerintahan Negara Islam* (1995), *Konsep Negara Islam dan Matlamatnya* (1986) dan lain-lain.²⁶

²⁴ Abdul Hadi Awang, *Normalisasi Israel: Siapa Untung?* (Kuala Lumpur: Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd, 2020).

²⁵ Junhairi Alyasa, "Abdul Hadi Awang Dilantik Duta Khas Bertaraf Menteri ke Timur Tengah", <https://www.sinarharian.com.my/article/76997/berita/nasional/abdul-hadi-dilantik-duta-khas-bertaraf-menteri-ke-timur-tengah>, *Sinar Harian Online*, 2 Jun 2020.

²⁶ Abdul Hadi Awang, *Pemetaan Baharu Dunia Islam* (Kuala Lumpur: Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd, 2021).

Selain itu, karya dalam bidang-bidang lain juga banyak dihasilkan Abdul Hadi Awang antaranya: *Diari Tadabbur: Bercinta Dengan Al-Quran* (2021), *Fiqh Ramadhan* (2021), *Meneladani Kepimpinan Anbiya'* (2020), *Pesan-Pesan Sabar* (2020), *Celupan Jarum Kecil di Lautan Ilmu Al-Quran* (2020), *Mukhtasar Mazhab Aqidah dan Firqah Umat Islam* (2020), *Rasulullah SAW: Hadirnya Rahmat* (2020), *Aidiladha: Perpaduan dan Pengorbanan* (2020), *Ibrah: Peristiwa Agung di Bulan Ramadhan* (2020), *Inspirasi Nuzul Al-Quran: Panduan Kehidupan Sepanjang Zaman* (2020), *Ramadhan: Kekasih Yang Bakal Berlabuh Pergi* (2020), *Ramadhan Al-Mubarak: Kedatangan Yang Dinantikan* (2020), *Isra' dan Mi'raj: Satu Perjalanan Agung* (2020), *Covid-19: Perspektif Maqasid Al-Syariah* (2020), *Qiyadah Rasulullah SAW Uswah & Qudwah* (2020), *Al-Tibyan Dalam Mentafsir Al-Quran Surah Al-Hujurat* (2010), dan lain-lain.²⁷

Skop dan Metodologi Kajian

Skop perbincangan bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti faktor-faktor konflik di Republik Yaman. Faktor-faktor ini dikenalpasti berdasarkan perspektif Abdul Hadi Awang. Dalam sesebuah penyelidikan, metode kajian amat penting kerana ia akan mempengaruhi keberkesanan kajian melalui cara kerja untuk memahami dan mengkaji objek atau perkara yang menjadi sasaran kajian. Secara bahasa, perkataan 'metodologi' adalah berasal daripada perkataan Yunani iaitu gabungan antara '*metodos*' dan '*logos*'. '*Metodos*' yang membawa maksud cara manakala '*logos*' pula bermaksud ilmu.²⁸

Gabungan daripada dua perkataan ini akan membawa maksud bagi ilmu berkaitan cara-cara membuat penyelidikan.²⁹ Sesuatu kajian akan bertambah kualitasnya apabila metodologi yang digunakan bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk kajian dan tujuan sesebuah kajian dijalankan. Bagi mengenalpasti faktor-faktor tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan dua kaedah utama. Dua kaedah utama yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Bagi kaedah pengumpulan data, pengkaji menggunakan pendekatan temubual separa struktur dan pendekatan dokumentasi. Kedua-dua pendekatan ini digunakan bagi mendapatkan data-data kajian yang berbentuk dokumen rasmi, buku, kertas kajian ilmiah dan lain-lain.

Seterusnya pengkaji menggunakan kaedah analisis data berdasarkan pendekatan analisis tematik dan analisis kandungan. Kedua-dua pendekatan analisis ini digunakan bagi menganalisis data-data yang diperoleh pengkaji berdasarkan kaedah pengumpulan data. Faktor-faktor yang dinyatakan (YB) Tan Sri Dato Seri Haji Abdul Hadi bin Awang ini turut dibandingkan pengkaji dengan data-data rasmi daripada sumber-sumber lain serta kajian-kajian oleh beberapa pengkaji.

Hasil Dapatan

Penglibatan Abdul Hadi Awang Sebagai Perunding Di Republik Yaman

Abdul Hadi Awang pernah beberapa kali terlibat sebagai perunding dalam konflik geopolitik antarabangsa seperti di Bosnia, Afghanistan, Aceh dan khususnya di Republik Yaman pada

²⁷ *Ibid.*

²⁸ Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: PT Gramedia, 1983), 320.

²⁹ Barnadib, *Arti Dan Metode Sejarah Penyelidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP, 1982), 51.

tahun 2010.³⁰ Pada tahun 2010, Abdul Hadi Awang bersama-sama dengan delegasi daripada PAS telah ke Yaman dalam usaha menyelesaikan konflik yang berlaku di republik tersebut. Berdasarkan temubual yang dijalankan, Abdul Hadi Awang menyatakan bahawa beliau ke Yaman menemui Presiden Ali Abdullah Salleh, wakil-wakil kedutaan, wakil daripada Parti Al-Islah, wakil beberapa kabilah dan sebagainya. Delegasi yang diketuai Abdul Hadi Awang ini adalah bertujuan membawa aspirasi keamanan berdasarkan konsep kesatuan umat Islam dalam usaha mencari titik penyelesaian bagi konflik yang berlaku di Yaman.³¹

Sorotan Ringkas Konflik Di Republik Yaman

Republik Yaman ditubuhkan pada tanggal 22 Mei tahun 1990. Selepas empat tahun ditubuhkan, berlakunya perang saudara pada tahun 1994 akibat daripada krisis dalaman antara pemimpin di utara dan selatan negara. Konflik yang berlaku ini merupakan kesinambungan daripada pergolakan yang tercetus sejak 59 tahun dahulu antara Republik Arab Yaman-RAY (Yaman Utara) dan Republik Demokratik Rakyat Yaman-RDRY (Yaman Selatan).³² Pergolakan ini akibat daripada perasaan tidak puas hati pemimpin di selatan terhadap kepimpinan Ali Abdullah Salleh yang memegang tampuk kekuasaan negara.

Selain itu, Salleh juga menghadapi penentangan Al-Syabab melalui kumpulan bersenjata Houthi di bawah pimpinan Badreddin Hussein Al-Houthi di utara Yaman. Houthi mendakwa, penentangan yang dilakukannya terhadap kerajaan adalah kerana Salleh selaku presiden mengabaikan tanggungjawabnya dalam menjaga kebajikan penduduk di utara Yaman sehingga berlakunya Perang Saadah. Perang Sa'da antara kumpulan Houthi dan pihak keselamatan Republik Yaman meletus pada tahun 2004 sebelum dilakukan gencatan senjata pada tahun 2010.³³

Pada tahun 2010, Yaman kembali bergolak selepas republik ini turut dilanda Kebangkitan Arab atau *Arab Spring* yang bermula di Tunisia. Hampir di keseluruhan bandar-bandar Yaman dipenuhi penunjuk perasaan yang menuntut perubahan dalam tampuk pimpinan negara selain mendesak pengunduran Ali Abdullah Salleh selaku presiden. Himpunan aman ini disertai oleh sekitar 10,000 orang di hadapan universiti-universiti serta dataran-dataran yang terdapat di Yaman.³⁴ Penentangan yang pada mulanya bersifat aman bertukar menjadi tragedi berdarah apabila pihak keselamatan Yaman mula menggunakan kekerasan bagi menyuraikan penunjuk perasaan.

Kedadaan ini dimanfaatkan oleh kumpulan bersenjata Houthi dari utara, *Southern Transitional Council* (STC) dibawah Aidarus Al-Zubaidi dari selatan Yaman dan kumpulan *Al-Qaeda in the Arabian Peninsula* (AQAP) yang merupakan pecahan bagi penganas Al-Qaeda. Penentangan yang dilakukan kumpulan-kumpulan ini terhadap pihak keselamatan Yaman menyebabkan tercetusnya Perang Saudara 2015 dengan campurtangan tentera-tentera Arab

³⁰ Abdul Hadi Awang, *Normalisasi Israel: Siapa Untung?* (Kuala Lumpur: Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd, 2020).

³¹ Abdul Hadi Awang, Temubual oleh pengkaji, Kediaman Rusila, Terengganu. 8 April 2022.

³² "Yemen Religion", diakses pada 3 Disember 2022, <https://www.ui.se/landguiden/lander-och-omraden/asien/yemen/religion/>.

³³ Muriel, A, et. al., "Mission Impossible: UN Mediation in Libya Syria and Yemen", *German Institute for International and Security Affairs*, pp. 1-64 (2018).

³⁴ Fattah, K., "Yemen: A Social Intifada in a Republic of Sheikhs", *Middle East Policy*, Vol. 18, bil. 3, pp. 79-85 (2011).

Saudi pada bulan Mac 2015. Campurtangan ketenteraan yang dilakukan Arab Saudi sejak Mac 2015 memburukkan lagi konflik yang berlaku di Yaman sehingga kini.³⁵

Faktor-Faktor Konflik Di Republik Yaman Berdasarkan Perspektif Abdul Hadi Awang

Konflik yang berlaku di Republik Yaman adalah disebabkan beberapa faktor yang menjadi pendorong kepada Perang Sa'da, kebangkitan Arab 2011 dan perang saudara 2015. Terdapat dua faktor konflik yang dinyatakan Abdul Hadi Awang iaitu persaingan kuasa melibatkan Arab Saudi-Iran dan kelemahan pentadbiran dalaman negara.

Persaingan Kekuasaan Antara Arab Saudi Dan Republik Iran

Abdul Hadi Awang menyatakan, antara faktor konflik di Republik Yaman adalah disebabkan berlakunya persaingan kuasa antara Arab Saudi dan Republik Iran. Secara jelas, keterlibatan Arab Saudi di Yaman berlaku sejak puluhan tahun iaitu bahkan sebelum penubuhan Yaman pada tahun 1990. Berdasarkan sorotan sejarah, Arab Saudi bersekutu dengan pemimpin Republik Arab Yaman (Yaman Utara) selepas perang saudara 1970 berjaya ditamatkan. Ali Abdullah Saleh, presiden Yaman Utara tahun 1978 kemudiannya diangkat menjadi presiden Republik Yaman yang ditubuhkan tahun 1990. Dalam penglibatannya di Yaman, Arab Saudi menjadi penyumbang tetap bagi pembangunan negara dan sumbangan-sumbangan ini menyebabkan negara tersebut memiliki pengaruh secara tidak langsung dalam pentadbiran negara Yaman.³⁶ Arab Saudi juga terlibat secara terbuka dalam politik dalaman Yaman melalui misi ketenteraan yang dilancarkan negara ini ketika Perang Sa'da 2004-2010³⁷ dan Perang Saudara 2015.³⁸

Dalam kempen ketenterannya ketika Perang Sa'da dan Perang Saudara 2015, Arab Saudi membantu pasukan keselamatan Yaman selaku sekutu Ali Abdullah Salleh dan Abdul Rabbu Mansur Hadi bagi menentang pemberontakan yang dilakukan kumpulan Houthi beranutan Syiah. Dalam cubaan membantu proaksinya di Yaman iaitu Abdul Rabbu Mansur Hadi, Raja Salman, Raja bagi kerajaan Arab Saudi mula memberi arahan pada Mac 2015 untuk tentera udara Arab Saudi memulakan serangan ke atas kumpulan Houthi. Menurut Sherine El Taraboulsi:

*"In March 2015, King Salman of Saudi Arabia ordered airstrikes on the Houthis and their allies in Yemen. The operation called 'Decisive Storm' was supported by a coalition of Sunni Muslim countries including the Gulf Cooperation Council (GCC) states (except Oman), Morocco, Sudan, Egypt, Jordan and Pakistan."*³⁹

Kempen perang yang dilancarkan Arab Saudi bersama pakatan ketenteraan sekutunya di Yaman pada bulan Mac 2015 berlarutan beberapa tahun melebihi tempoh jangkaan awal Arab Saudi. Kempen ketenteraan ini menyebabkan berlakunya krisis kemanusiaan yang dahsyat di

³⁵ International Crisis Group (ICG), "Popular Protest in North Africa and the Middle East: Yemen Between Reform and Revolution", *Middle East North Africa Report*, No. 102 (10 Mac 2011).

³⁶ *Ibid.*

³⁷ Barak A. Salmoni, *et. all*, "Regime and Periphery in North Yemen: The Huthi Phenomenon", *National Defense Research Institute*. Bil. 46 (2010), <https://www.rand.org/pubs/monographs/MG962.html>.

³⁸ Bruce Riedel, "Houthi victories in Yemen make Saudi Arabia Nervous", *Al-Monitor*, 15 Oktober 2014. <http://www.al-monitor.com/pulse/originals/2014/10/houthi-yemen-victory-saudi-arabia-nightmare-iran.html>.

³⁹ Lihat rujukan Sherine Al Taraboulsi dan Camilla Cimatti, "Counter-terrorism, De-Risking and the Humanitarian Response in Yemen: a call for action", *Humanitarian Policy Group* (HPG) (2018).

Yaman. Krisis kemanusiaan yang berlaku di Yaman turut dilaporkan sebagai krisis terburuk oleh badan-badan dunia seperti *United Nation* (UN), *Office of the High Commissioner for Human Rights* (OHCHR), *Human Rights Watch* (HRW) dan badan-badan organisasi lain.⁴⁰ Berikut merupakan statistik serangan udara yang dilancarkan pakatan ketenteraan Arab Saudi di Yaman dari bulan Mac 2015 sehingga bulan Mac 2018 :

Bulan dan Tahun	Bilangan Serangan Udara Setiap Bulan
Mac 2018	325
Februari 2018	350
Januari 2018	320
Disember 2017	545
November 2017	320
Oktober 2017	390
September 2017	330
Ogos 2017	330
Julai 2017	390
Jun 2017	390
Mei 2017	395
April 2017	480
Mac 2017	510
Februari 2017	490
Januari 2017	655
Disember 2017	460
November 2016	320
Oktober 2016	430
September 2016	540
Ogos 2016	660
Julai 2016	265
Jun 2016	120
Mei 2016	95
April 2016	235

⁴⁰ Carlisle Forde Runge dan Linnea Graham, "Hunger as a Weapon of War: Hitler's Hunger Plan, Native American Resettlement and Starvation in Yemen", *Food Policy*, pp. 1-8 (2020), <https://doi.org/10.1016/j.foodpo.2020.101835>.

Mac 2016	410
Februari 2016	730
Januari 2016	840
Disember 2015	420
November 2015	370
Oktober 2015	620
September 2015	925
Ogos 2015	495
Julai 2015	600
Jun 2015	585
Mei 2015	585
April 2015	640
Mac 2015	205

Sumber: Statista, "Number of air raids on Yemen by Saudi Arabian-led coalition from March 2015 to March 2018".

Daripada statistik yang ditunjukkan dalam jadual di atas, September tahun 2015 adalah bulan tertinggi direkodkan serangan yang dilancarkan pakatan ketenteraan diketuai Arab Saudi di Yaman iaitu sebanyak 925 kali. Manakala Mei tahun 2016 merekodkan jumlah serangan udara terendah sebanyak 95 kali. Naik dan turun jumlah serangan yang dilakukan pakatan bersenjata diketua Arab Saudi adalah bergantung kepada tahap ketegangan antara kedua-dua pihak dari semasa ke semasa.

Siri berbalas serangan antara Arab Saudi serta sekutu dan kumpulan Houthi telah mencatatkan angka kematian dan kecederaan yang tinggi dalam kalangan orang awam di Yaman. Selain itu, siri pertempuran tersebut turut menyebabkan kemusnahan harta benda awam di Yaman melibatkan pusat pentadbiran, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah, pusat perubatan, masjid-masjid serta rumah-rumah penduduk tempatan di Yaman. Dalam mengatur serangan terhadap kumpulan bersenjata Houthi, pakatan ketenteraan Arab Saudi juga menggunakan Bom Pintar (*Cluster bomb*) yang dijatuhkan di beberapa tempat di Yaman. Selain menyebabkan kemusnahan besar terhadap kumpulan bersenjata Houthi, serangan menggunakan Bom Pintar oleh pakatan ketenteraan Arab Saudi turut menyebabkan kematian dan kerosakan harta benda masyarakat awam Yaman. Serangan besar-besaran ini juga menjadi penyumbang besar kepada kejatuhan ekonomi dan perkhidmatan di Yaman.⁴¹

Selain serangan dari udara, pakatan ketenteraan Arab Saudi turut melancarkan taktik pengepungan dari pelbagai sudut yang dinamakan sebagai *Hunger Plan* bagi melemahkan kumpulan Houthi. Taktik ini dilaksanakan dengan cara menyekat serta menghalang sebarang kemasukan bantuan makanan dari luar ke dalam Yaman. Pelabuhan Laut Merah yang terletak di wilayah Hudaidah turut dikepung bagi melemahkan kumpulan bersenjata Houthi. Di Yaman, Pelabuhan Laut Merah merupakan pusat bagi melaksanakan proses mengimport makanan ke

⁴¹ *Ibid.*

dalam Yaman. Direkodkan sekitar 90 peratus keperluan makanan Yaman kebiasaannya diimport masuk ke seluruh negara melalui pelabuhan ini.⁴² Memetik kenyataan Sherine Al-Taraboulsi:

*“The coalition blockade has compounded pre-existing food insecurity. Yemen is a resource-scarce country that depends heavily on imports for food and fuel. According to Oxfam, 90 percent of staple food items such as wheat and rice are imported. Even before the current conflict, more than ten million Yemenis faced hunger every day.”*⁴³

Selain itu, pakatan ketenteraan yang diketuai Arab Saudi turut memusnahkan sumber-sumber makanan yang terdapat di Yaman bagi menjayakan taktik pengepungan tersebut. Pokok-pokok dan tanaman-tanaman sumber makanan yang ditanam para petani ditebang dan dibakar bagi mengelakkan sumber-sumber makanan ini jatuh ke tangan kumpulan Houthi. Menurut M. Boot: *“These raids have directly targeted farms as well as port facilities and other infrastructure vital to food transport...”*⁴⁴.

Ketika Perang Saudara 2015, Arab Saudi mendakwa bahawa bantuan yang diberikan kepada pemerintah Yaman di bawah Abdul Rabbu Mansur Hadi adalah bagi menentang pemberontakan oleh kumpulan bersenjata Houthi. Dakwa Arab Saudi lagi, kumpulan Houthi ditaja oleh Republik Iran yang bercita-cita untuk melebarkan pengaruhnya di dunia Arab. Dakwaan ini berasaskan fahaman Syiah yang dianuti kumpulan Houthi di utara Yaman sebagaimana anutan Syiah di Iran.⁴⁵ Memetik kenyataan Abdul Hadi Awang:

*“Ini sudah campur hantu ini (sudah tidak terkawal). Tetapi masa (itu) (orang-orang) Arab semangat (sehingga) berlaku (kebangkitan Arab). Dan Arab Saudi bantu (pemimpin) Yaman, Houthi berjaya menawan Sanaa. Oleh kerana Houthi ini Syiah Zaidiyyah, Iran (mula) masuk...”*⁴⁶

Menurut pengkaji, walaupun Arab Saudi cuba mengaitkan hubungan antara kumpulan Houthi dan Syiah Iran bagi menjustifikasi serta membenarkan serangan-serangan udara yang dilakukan negara tersebut di Yaman, namun ianya masih bersifat spekulasi kerana belum dapat dibuktikan berdasarkan fakta-fakta dan penemuan khusus. Pengkaji juga tidak menolak dakwaan wujudnya perang proksi melibatkan persaingan Arab Saudi, sekutu kerajaan Yaman dan Iran sekutu kumpulan Houthi sebagaimana yang dinyatakan Abdul Hadi Awang sebagai salah satu faktor konflik di Yaman.

Kelemahan Pentadbiran Dalam Negara

Abdul Hadi Awang tidak menafikan bahawa kelemahan pentadbiran dalam Yaman turut menyumbang kepada konflik yang berlaku di republik ini. Menurut Abdul Hadi Awang, punca kekacauan yang berlaku di Yaman khususnya melibatkan pemberontakan oleh kumpulan Houthi adalah disebabkan kelemahan pentadbiran negara. Kegagalan Salleh dan Hadi mentadbir negara

⁴² M. Boot, “The Saudi Oil Attacks are Signs of Trump’s Mideast Fiasco”, *Washington Post*, 15 September 2019, <https://www.washingtonpost.com/opinions/2019/09/15/mideast-is-tinderbox-trump-has-aggravated-crisis/>.

⁴³ Lihat rujukan Sherine Al Taraboulsi dan Camilla Cimatti, “Counter-terrorism, De-Risking and the Humanitarian Response in Yemen: a call for action”, *Humanitarian Policy Group* (HPG) (2018).

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Muriel A., et. al., “Mission Impossible: UN Mediation in Libya Syria and Yemen”, *German Institute for International and Security Affairs*, pp. 1-64 (2018).

⁴⁶ Abdul Hadi Awang. Temubual oleh pengkaji, Kediaman Rusila, Terengganu. 8 April 2022.

menyebabkan paras kemiskinan di Yaman tidak berjaya diatasi. Faktor kemiskinan, kemunduran ekonomi dan penindasan yang dialami kebanyakan penduduk menyebabkan berlakunya siri pemberontakan oleh Houthi, STC dan sebagainya bagi menggulingkan kerajaan sedia ada. Memetik Abdul Hadi Awang:

“Kemudian apabila Houthi lawan dengan Ali Abdullah Salleh. Sebab mereka (Houthi) diguna oleh orang kerana kedudukan sangat miskin, bukan kerana mazhab. Jadi orang bagi duit apa semua, jadi berlakulah (perang). Penindasan menyebabkan mereka lawan (kerajaan Yaman)...”⁴⁷

Kelemahan pentadbiran negara yang diterajui oleh Salleh dan Hadi menyebabkan berlakunya konflik di Yaman. Konflik dan pergolakan ini meninggalkan beberapa kesan terhadap keadilan sosial masyarakat Yaman.

Kemiskinan Dan Pengangguran: Kesan-Kesan Konflik Terhadap Keadilan Sosial Di Republik Yaman

Pada tahun 2010, International Monetary Fund (IMF) mengeluarkan data bahawa sekitar 43 peratus populasi Yaman hanya memperoleh pendapatan sebanyak 2 USD sehari.⁴⁸ Keadaan Yaman bertambah buruk apabila republik ini menghadapi krisis “*Triple F*” melibatkan makanan, minyak dan ekonomi pada tahun 2007-2009. Krisis ini memberi impak besar terhadap kehidupan rakyat Yaman yang mempunyai populasi sekitar 23000000 orang pada tahun 2010.⁴⁹


Di samping itu, dominasi golongan elit daripada kalangan keluarga Salleh sendiri dalam mengawal sebahagian besar ekonomi negara merangkumi sektor berkaitan import, pemprosesan dan pembekalan komoditi asas turut menyumbang kepada kelembapan ekonomi Yaman.⁵⁰ Sistem monopoli dan kroni yang diamalkan menyebabkan Yaman terdedah kepada krisis ekonomi berpanjangan sehingga kini. Krisis ekonomi dalaman yang berlaku selain krisis ekonomi antarabangsa meningkatkan kadar kemiskinan dan pengangguran dalam kalangan rakyat. Berikut merupakan gambar rajah 1. bagi kadar pengangguran di Yaman daripada tahun 1999 sehingga tahun 2020:

⁴⁷ *Ibid.*

⁴⁸ Peter Salisbury, “Yemen’s Economy: Oil, Imports and Elites”, *Chatham House Middle East and North Africa Programme Paper*, bil. 2, pp. 1-19 (2011), <https://www.chathamhouse.org/mena.com>. Diakses pada 11 Ogos 2021).

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*



Sumber: Statista, "Yemen Unemployment Rate From 1999 to 2020"

Daripada rajah di atas, aliran peningkatan kadar pengangguran ditunjukkan dari tahun 1999 sehingga tahun 2005 sebelum ia sedikit menurun berbanding tahun sebelumnya sebanyak 0.08 peratus tahun 2006. Tahun 2007 juga mencatatkan penurunan sebanyak 0.06 peratus berbanding tahun sebelumnya dan peratusan ini kemudiannya kembali menunjukkan aliran menaik pada tahun 2008, 2009 dan 2010. Kenaikan tahun 2008 adalah sebanyak 0.07 peratus daripada tahun sebelumnya dan melonjak secara drastik sebanyak 0.61 peratus tahun 2009. Nilai purata tahunan bagi kadar peratusan pengangguran rakyat di Yaman dari tahun 1999 hingga 2010 adalah sebanyak 12.07 peratus akibat daripada kelembapan ekonomi yang berlaku di Yaman.

Kesimpulannya, faktor persaingan kuasa antara Arab Saudi dan Iran serta kelemahan pentadbiran dalaman Yaman sebagaimana yang dinyatakan Abdul Hadi Awang telah memberi kesan kepada keadilan sosial penduduk di negara ini. Kedua-dua faktor tersebut menjadi penyumbang besar terhadap peningkatan kadar kemiskinan dan pengangguran di Republik Yaman.

Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan bahawa persaingan kuasa antara Arab Saudi-Iran dan kelemahan pentadbiran dalaman Yaman sebagaimana yang dinyatakan Abdul Hadi Awang menjadi faktor kepada konflik yang berlaku di Republik Yaman. Kedua-dua faktor ini memberi impak yang besar terhadap keadilan sosial khususnya melibatkan soal peningkatan kadar kemiskinan dan pengangguran yang tinggi dalam kalangan masyarakat Yaman.

Diharapkan perbincangan yang dikemukakan ini dapat memberikan penjelasan yang jelas terhadap beberapa faktor yang daripada konflik yang berlaku di Republik Yaman yang telah memberi kesan dalam aspek keadilan sosial yang boleh difahami dari sudut pandangan Abdul Hadi Awang. Bahkan, membuktikan juga bahawa bagaimana keprihatinan terhadap isu luar negara dan pemikiran beliau yang urut terdedah serta mengambil berat tentang dunia politik luar.

Rujukan

- Abdul Hadi Awang, *Normalisasi Israel: Siapa Untung?*. Kuala Lumpur: Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd, 2020.
- Abdul Hadi Awang. Temubual oleh pengkaji, Kediaman Rusila, Terengganu. 8 April 2022.
- Adam Cobb. A Strategic Assessment of Iraq: Civil Wars 9, *Journal of International*, no. 1: 20-44 (2007).
- Amin Saikal dan Albrecht Schnabel, *Democratization in the Middle East: Experiences, Struggle and Challenges* (New York: United Nations University Press, 2010).
- Angel M. Rabasa, The Muslim World After 9 September, diakses pada 3 Jun 2021, <http://www.randprojectairforce.com>.
- Bernama, "Trump Announces Peace Deal Between Bahrain and Israel", BBC News, 11 September 2021, diakses pada 8 Julai 2021, <https://www.bbc.com/news/world-middle-east-54124996.com>.
- Congressional Research Service CRS. 2020. "Israel and the Palestinians: Chronology of a Two-State Solution", diakses pada 8 Julai 2021, <https://crsreports.congress.gov/IF11237.com>.
- Daniela Huber, "Democracy Assistance in the Middle East and North Africa: A Comparison of US and EU Policies", *Mediterranean Politic*: 43-62 (2018).
- Fattah, K., "Yemen: A Social Intifada in a Republic of Sheikhs", *Middle East Policy*, vol. 18, bil. 3, pp. 79-85 (2011).
- Halper dan Clarke, *The neoconservative Revolution: Jewish Intellectuals and the Shaping of Public Policy* (New York: Cambridge University Press, 2005).
- International Crisis Group (ICG), "Popular Protest in North Africa and the Middle East: Yemen Between Reform and Revolution", Middle East North Africa Report, No. 102, 10 Mac 2011.
- Jeffrey Record, "Why the Bush Administration Invaded Iraq: Making Strategy after 9/11", *Strategic Studies Quarterly* 2(2): 63-92 (2008).
- Jeremy Bransten, Middle East: Rice Calls for a New Middle East. Free Europe: Radio Liberty (2006).
- Jeremy M. Sharp, Carla E. Hemud dan Sarah R. Collins, "U.S Foreign Assistance to the Middle East: Historical Background, Recent Trends and the FY2021 Request", diakses pada 1 Julai 2021.
- Jeremy M. Sharp, CRS Report RL33003, Egypt: Background and U.S Relations", diakses pada 2 Julai 2021.
- John Cosgrave, "The Impact of the War on Terror on Aid Flows", diakses pada 27 Jun 2021, <https://wwwresearchgat e.net/publication/215717809>.
- Junhairi Alyasa, "Abdul Hadi Awang Dilantik Duta Khas Bertaraf Menteri ke Timur Tengah", <https://www.sinarharian.com.my/article/76997/berita/nasional/abdul-hadi-dilantik-duta-khas-bertaraf-menteri-ke-timur-tengah>, *Sinar Harian Online*, 2 Jun 2020.

- Junhairi Alyasa, "Abdul Hadi Awang Dilantik Duta Khas Bertaraf Menteri ke Timur Tengah", <https://www.sinarharian.com.my/article/76997/berita/nasional/abdul-hadi-dilantik-duta-khas-bertaraf-menteri-ke-timur-tengah>, *Sinar Harian Online*, 2 Jun 2020.
- Muriel, A., et. al., "Mission Impossible: UN Mediation in Libya Syria and Yemen", German Institute for International and Security Affairs, pp. 1-64 (2018).
- National Endowment for Democracy, "Supporting Freedom Around the World", diakses pada 29 Mei 2021.
- Orkaby Asher Aviad. "The International History of the Yemen Civil War: 1962-1968". Disertasi Kedokteran, Universiti Harvard, 2014.
- Riedel, B., "Houthi victories in Yemen make Saudi Arabia Nervous", *Al-Monitor*, 15 Oktober 2014, <http://www.al-monitor.com/pulse/originals/2014/10/houthi-yemen-victory-saudi-arabia-nightmare-iran.html>.
- S. Finkel, Perez Linan dan M. Seligson, "Effects of US Foreign Assistance on Democracy Building: Results of a Cross-National Quantitative Study", diakses pada 3 Desember 2022.
- Salisbury, P., "Yemen's Economy: Oil, Imports and Elites", Chatham House Middle East and North Africa Programme Paper, bil. 2, pp. 1-19 (2011), <https://www.chathamhouse.org/mena.com>, diakses pada 11 Ogos 2021.
- Salmoni, B. A., et. al., "Regime and Periphery in North Yemen: The Huthi Phenomenon", National Defense Research Institute. Bil. 46 (2010), <https://www.rand.org/pubs/monographs/MG962.html>.
- Shimon Perez. *The New Middle East*. New York: H. Holt, 2013.
- Taraboulsi, S. A., dan Cimatti, C. (2018), "Counter-terrorism, De-Risking and the Humanitarian Response in Yemen: a call for action", Humanitarian Policy Group (HPG).
- U.S. Department of Commerce: International Trade Administration, "Revision of Foreign Policy Controls on Exports to Syria, Iraq, Libya and the People's Democratic Republic of Yemen (45 F.R. 33955)", diakses pada 2 Julai 2021.
- United Nations, "Model UN on the Civil War in Yemen 2018", diakses pada 3 Desember 2022, <https://fn.se/wp-content/uploads/2019/02/Model-UN-Yemen-English.pdf>.
- United States Agency for International Development (USAID), diakses pada 29 Jun 2021.
- United States Foreign Minister, "Peace to Prosperity: A Vision to Improve the Lives of the Palestinian and Israeli People", diakses pada 20 Desember 2020.
- United States, "Overseas Loans and Grants: Obligations and Loan Authorizations (CONG-R-0105)", diakses pada 1 Julai 2021, <https://explorer.usaid.gov/reportsgreenbook.html.com>.

